

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | Buku, teka silang kata, sudoku cabar minda Pak Ungku pada usia 92 | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 28 Jan 2014 | Color | Black/white |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 173,387 |
| Page No | 11 | Readership | 699,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 399 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,247 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,741 |



Buku, teka silang kata, sudoku cabar minda Pak Ungku pada usia 92

HARI ini genap usia Profesor Diraja Ungku Aziz 92 tahun.

Mesra dipanggil Pak Ungku, pemilik nama ini sebenarnya tidak perlu diperkenalkan lagi.

Naib Canselor Universiti Malaya (UM) yang pertama, pencetus penubuhan Asasi Sains UM, pengasas Tabung Haji dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) - sumbangan beliau cukup besar dalam pembangunan negara yang sewajarnya dikenang oleh setiap warga Malaysia.

Justeru kesempatan bertemu Pak Ungku pada Sabtu lalu tidak saya lepaskan sama sekali.

Empat hari sebelum ulang tahun beliau yang ke-92, saya cukup teruja melihat keadaan tokoh akademik ini.

Siapa yang tak kenal Pak Ungku? Beliau ialah ikon kesihatan dan kecergasan. Menyebut namanya sahaja akan tergambar seorang lelaki berwajah Melayu-Arab berjambang putih sedang berjoging.

Namun situbanya saya di kediaman beliau di Astana Damansara, disambut mesra isterinya, Rahaiah Baهران, usia yang menjangkau satu alaf nampaknya terkesan jua pada raut wajah Pak Ungku.

Dan beliau mengakui kudratnya tidak seperti dulu lantas aktiviti joging yang menjadi kebiasaan sejak muda terpaksa ditinggalkannya.

Beliau kini hanya melakukan senaman ringan dengan mengayuh basikal statik, bergayut pada *monkey bar* dan turun naik tangga pangsapuri.

"Masalahnya kaki saya sekarang tak berapa tahan," katanya. "Tetapi minda saya masih pantas dan aktif sebab sentiasa dicabar."

"Saya sentiasa membaca buku dan akhbar selain membuat teka silang kata dan sudoku," katanya.

Jelas sekali kekangan fizikal akibat faktor usia tidak sedikit pun melemahkan minda Pak Ungku.

Mungkin disebabkan minat beliau yang cukup mendalam terhadap buku selain faktor usia, Pak Ungku kini tak boleh berpisah daripada cermin mata.

Menariknya beliau mempunyai tujuh set cermin mata untuk pelbagai fungsi yang berbeza iaitu membaca buku dan akhbar, menonton televisyen, menggunakan komputer, menulis, bersenam dan bersantai.

"Inilah kehidupan saya. Mesti cukup senaman, makanan, bahan bacaan dan rehat," ujarnya.

Beliau membaca empat surat khabar setiap hari. Seorang *fast reader*, beliau boleh menghabiskan membaca empat akhbar da-

lam bahasa Melayu dan Inggeris tidak sampai setengah jam.

Namun jika ada rencana menarik, Pak Ungku akan memotong dan menyimpan keratan akhbar itu untuk dibaca lebih teliti pada masa lapang.

Oleh kerana kecintaan yang mendalam terhadap buku, setiap bulan beliau akan menerima satu beg dari Amazon.com - iaitu buku-buku yang ditempahnya daripada laman atas talian itu yang nilainya antara RM200 hingga RM300 setiap penghantaran.

Sehingga kini, Pak Ungku mempunyai kira-kira 4,000 buku dalam simpanannya.

"Saya punya peraturan, kalau sudah beli mesti baca!" ujar beliau.

Buat masa ini, Pak Ungku sedang ralit membaca karya terbaru pencipta Harry Potter, J. K. Rowling menggunakan nama pena Robert Galbraith iaitu *The Cuckoo's Calling*.

Mengakui cukup minat dengan kisah detektif atau penyiasatan, karya-karya Jane Austen turut menjadi koleksi kesayangannya. Pada masa sama, beliau turut mencuba karya penulis baru seperti Barbara Ismail dengan *Princess Play - Kain Songket Misteries*.

Ditanya tidakkah beliau sendiri mahu menulis buku atau setidaknya auto-biografi tentang perjalanan hidupnya, Pak Ungku dengan tegas menjawab tidak berminat. "*My life is my life* (Hidup saya adalah kehidupan saya)," katanya.

Namun saya berpendapat kisah hidup Pak Ungku memang patut ditulis.

Perjalanan hidup beliau cukup berwarna-warni untuk dibukukan. Daripada susur galur ibu keturunan Turki dan bapa kerabat diraja Johor, kehilangan ibu pada usia muda dua tahun, menjelajah di Eropah bersama datuknya, kehidupan sebagai tokoh pendidikan dan ekonomi, sehinggalah sekarang.

Walaupun Pak Ungku enggan dikaitkan lagi dengan Angkasa yang disifatkan beliau sebagai sudah putus habis umpama kepala dipenggal dengan pedang samurai, jasanya terhadap pembangunan koperasi tidak boleh dinafikan.

Pak Ungku patut menjadi ikon hidup kepada rakyat Malaysia. Rahsia kesihatan dan kecergasan beliau wajar dicungkil dan dikongsi untuk dicontohi kita semua yang kini berhadapan bermacam-macam penyakit gaya hidup.

Lebih penting, budaya membaca yang diamalkan Pak Ungku patut menjadi ikutan bagi membentuk minda rakyat Malaysia yang aktif dan cerdas.

Sepatah kata Pak Ungku; "Minda saya mesti dicabar setiap hari. *Use it or you lose it* (gunakannya atau anda akan kehilangan-

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | Buku, teka silang kata, sudoku cabar minda Pak Ungku pada usia 92 | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 28 Jan 2014 | Color | Black/white |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 173,387 |
| Page No | 11 | Readership | 699,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 399 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,247 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,741 |

nya).”

